

CABARAN BUJANG LEWAT USIA: STIGMA TERHADAP WANITA BERKERJAYA

Faudziah Yusof & Farrah Wahida Mustafar

faudziah@kuim.edu.my
Kolej Universiti Islam Melaka

ABSTRAK

Stigma merupakan satu tanggapan atau tafsiran negatif terhadap norma atau kebiasaan di dalam masyarakat. Stigma boleh menyebabkan tekanan dan menyebabkan gangguan emosi kepada individu yang terlibat. Pelabelan dengan istilah dan sikap tertentu yang berunsur negatif adalah stereotaip yang sinonim di dalam masyarakat Melayu khususnya dalam isu jodoh dan perkahwinan terhadap wanita bujang yang lewat usia. Kajian ini menumpukan kepada stigma yang diterima oleh wanita bujang yang lewat usia. Perkahwinan di dalam masyarakat di Malaysia, dianggap sebagai suatu cita-cita yang perlu dipenuhi terlebih dahulu berbanding perkara-perkara lain apabila seseorang wanita itu sudah dianggap 'cukup umur'. Lazimnya wanita di Malaysia akan melangsungkan pernikahan pada usia tertentu, namun sehingga kini telah berlaku perubahan usia pernikahan. Terdapat pelbagai faktor yang menyumbang kepada wanita lewat berkahwin atau melengahkan usia perkahwinan antaranya urbanisasi, pendidikan, pekerjaan dan menanggung keluarga. Hasil kajian mendapati terdapat beberapa pola bentuk dan kesan stigma terhadap wanita lewat usia yang belum berkahwin. Stigma yang diterima adalah dari pelbagai lapisan masyarakat termasuk golongan profesional memandangkan wanita bujang yang lewat usia terdiri dari wanita yang berkarier. Walaubagaimanapun, didapati bahawa wanita tersebut tidak semuanya sedih dengan ketentuan menjadi bujang walau sudah lewat usia.

Keywords: stigma, wanita bujang lewat usia

ABSTRACT

In Malaysia society, marriage is regarded as an ideal that needs to be fulfilled in advance of other matters when a woman is puberty. Usually, women in Malaysia will have a wedding at a certain age but nowadays the situation has changed. The purpose of this paper is to explore the factors that contribute who woman married or delay the age of marriage and the effects of stigma on them. The findings show that the factors are urbanization (diverse lifestyles and process of modernity), education, employment and family survival. Labeling with certain negative terms and attitudes is stereotypically synonymous within the Malay community, especially in married and marriage issues with single woman. Furthermore, the stigma has caused stress and emotional disruption to the individuals that single woman. Stigma is a negative interpretation of the norms or habits in a society that causes single woman to accept the discrimination that giving effects to social and psychological impression such as marginalization and stress.

Keywords: *marriage, stigma, single women*

PENGENALAN

Setiap individu akan melalui beberapa fasa dalam kehidupan masing-masing. Salah satu fasa tersebut adalah masa dewasa. Masa dewasa seseorang individu terbahagi kepada tiga bahagian iaitu dewasa awal (18 hingga 40 tahun), dewasa pertengahan (40 hingga 60 tahun) dan dewasa akhir (60 tahun dan ke atas). Masa dewasa ini sering digunakan oleh seseorang untuk belajar tentang berdikari dan menyesuaikan diri dengan tugas dan peranan baru sebagai individu yang dewasa. Peranan ini akan sentiasa berubah-ubah mengikut perubahan usia individu itu sendiri. Seiring dengan peredaran dan perkembangan zaman, gaya hidup seseorang individu dewasa juga mengalami perubahan. Pada masa kini, ramai individu dewasa masih lagi belum mendirikan rumahtangga terutamanya golongan wanita.

Perkahwinan adalah satu hubungan sah yang biasanya melibatkan kerjasama ekonomi, aktiviti seksual dan kelahiran anak-anak. Berlangsungnya perkahwinan satu-satu pasangan lelaki dan perempuan adalah berdasarkan norma-norma budaya dan undang-undang. Contohnya, Islam membenarkan penganutnya melaksanakan perkahwinan jenis monogami dan poligami diamalkan. Menurut perspektif agama dan hukum Islam, perkahwinan bererti suatu akad atau perikatan untuk menghalalkan hubungan kelamin antara lelaki dan perempuan dalam rangka mewujudkan kebahagiaan hidup berkeluarga yang diliputi rasa ketenteraman serta kasih sayang dengan cara diredhai Allah. Perkahwinan juga merupakan satu bentuk komitmen dan dedikasi antara seorang lelaki dengan seorang perempuan untuk hidup bersama dalam sesebuah rumahtangga. Pasangan suami isteri harus mengetahui tujuan perkahwinan adalah untuk mendapatkan keredhaan Allah dan

bukan hanya sebagai tempat melepaskan nafsu semata-mata (Asmawati & Norhalim, 1996).

Perkahwinan adalah sebagai penyatuan antara individu yang disokong secara sosial untuk mendapat kestabilan, hubungan yang mesra termasuklah interaksi seksual sebagai salah satu elemen yang penting. Menurut McDonald (1985), perkahwinan berfungsi sebagai mekanisma penerus garis keturunan dan ianya juga sebagai saranan perikatan dengan garis keturunan yang lain dan kawalan yang rapi oleh golongan tua bagi menjaga keselamatan dan kesejahteraan keturunan. Walaubagaimanapun, maksud dan nilai perkahwinan dan kekeluargaan kini sudah mengalami perubahan. Pergerakan nilai tersebut berlaku dengan lebih ketara apabila terdapat pelbagai pembuktian yang menunjukkan lelaki dan wanita yang berkerjaya melewatkan atau melengahkan waktu perkahwinan. Masalah lambat berkahwin dalam kalangan wanita bekerjaya di Malaysia semakin hari semakin meningkat. Pada setiap tahun juga, didapati bahawa wujud peningkatan golongan bujang atau tidak pernah berkahwin di Malaysia (Rozumah dan Rumayah, 2016). Perkahwinan lewat usiadalam kalangan wanita bekerjaya di Malaysia semakin meningkat.

Pada tahun 1995, wanita yang berkahwin pada usia 15 hingga 19 tahun adalah mencapai 97 peratus dan ia menurun kepada enam peratus pada tahun 1988. Keadaan ini dapat dilihat melalui Perangkaan Banci Penduduk dan Perumahan 2000, dan statistik umur minimum perkahwinan juga semakin meningkat dari semasa ke semasa. Pada tahun 1980, umur minimum bagi seorang wanita berkahwin ialah 23.5 tahun. Jumlah ini telah meningkat kepada 24.7 tahun pada tahun 1991. Pada tahun 2000 pula, umur minimum perkahwinan telah meningkat kepada 25 tahun. (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2000). Oleh itu, seorang wanita yang sudah mencapai umur 27 tahun dan masih belum menemui jodoh akan dianggap sudah terlewat untuk berkahwin (Haslina & Ann Wan Seng, 1995).

Seiring dengan peredaran zaman, bukan hanya di negara-negara barat seperti Eropah dan Amerika, namun juga di negara-negara Asia, pilihan untuk menjadi wanita bujang dan tidak berkahwin telah berkembang menjadi suatu gaya hidup (Nanik & Wiwin Hendriani, 2016). Pada 30 tahun yang lalu, peratusan wanita di Asia yang tidak berkahwin adalah sebanyak dua peratus sahaja. Wanita yang tidak berkahwin pada usia 30-an di Jepun, Taiwan, Singapura dan Hong Kong pula telah meningkat kepada 20 peratus. Di Thailand pula, jumlah wanita yang tidak berkahwin meningkat dari tujuh peratus pada tahun 1980 kepada 12 peratus pada tahun 2000. Manakala bagi Bangkok dan Hong Kong pula jumlah peratusan wanita yang tidak berkahwin adalah 20 peratus dan 27 peratus (Beri dan Beri, 2013). Di beberapa negara Asia Selatan-Timur seperti Manila, Bangkok, Singapura, Kuala Lumpur dan Yangon, kebanyakan golongan wanita tidak pernah berkahwin pada usia 30-an dan 40-an begitu tinggi. Pada tahun 1990, jumlah wanita berusia 45 hingga 49 tahun mempertahankan tidak berkahwin telah mencapai sembilan peratus di Manila, 11 peratus di Bangkok, lapan peratus di

Singapura dan Cina, tujuh peratus di Kuala Lumpur dan 11 peratus di Yangon. Pada tahun 2000 pula, jumlah wanita tidak berkahwin pada usia 45 hingga 49 tahun di Bangkok meningkat kepada 17 peratus, 13 peratus Singapura, 10 peratus, Kuala Lumpur, dan 15 peratus di Yangon (Jones, 1981).

Perangkaan Banci Penduduk dan Perumahan 2000 menunjukkan pada 1981 sehingga 1990, 43.2 peratus golongan muda iaitu 20 sehingga 34 tahun masih belum berkahwin. Pada tahun 1991 sehingga 2000 pula, sebanyak 48.1 peratus golongan muda belum berkahwin dengan 68.5 peratus daripadanya adalah wanita. Purata pertumbuhan penduduk pada 2030 akan dijangka menjunam hingga 0.7 peratus berbanding 2.6 peratus sekitar tahun 90-an. Perkahwinan lewat dikenalpasti sebagai punca utama penurunan tersebut. Trend melewatkan perkahwinan, terutama di kalangan wanita berpendidikan tinggi dikatakan bukan sahaja membawa implikasi negatif kepada institusi kekeluargaan malah turut merencatkan pembangunan negara.

Perkahwinan dan Stereotaip

Perkahwinan adalah antara perkara yang mesti dilaksanakan dalam mentaliti masyarakat di Malaysia dan khususnya dalam masyarakat Melayu. Mereka beranggapan bahawa manusia perlu hidup dalam kelompok unit keluarga untuk mencari sokongan emosi dan fizikal di samping membantu dalam proses perkembangan dan sosialisasi. Dalam istilah keagamaan dan kebudayaan, perkahwinan dianggap sebagai suatu fitrah yang diinginkan oleh setiap manusia. Pengalaman seseorang individu menjadi bujang adalah berbeza dengan orang lain mengikut budaya dan agama (Rozita Ibrahim dan Jamayah Sali, 2015).

Kebanyakan masyarakat terutamanya yang sudah berkahwin beranggapan bahawa kehidupan individu yang bujang ini sebagai suatu masalah sosial (Nanik & Wiwin Hendriani, 2016). Mereka tidak dapat menerima bahawa seorang wanita yang normal tidak berkahwin dapat mengecapi bahagia dan kepuasan dalam hidup. Dalam sesetengah komuniti, mempunyai anggapan dan melayani wanita bujang yang tidak berkahwin sebagai warganegara kelas kedua kerana tidak mendapat faedah atau kelebihan di tempat kerja sama seperti rakan sekerja yang berkahwin seperti bantuan kewangan atau plan penjagaan kesihatan.

Golongan wanita yang tidak berkahwin telah menjadi satu kategori sosial tersendiri dengan ciri-ciri yang khas, yang mana ianya seringkali bersifat negatif atau tidak normal. Hal ini kerana, golongan ini akan lebih cenderung untuk dibuat perbandingan dengan individu yang sudah berkahwin. Teori identiti sosial (Tajfel & Turner, 1979) menjelaskan bahawa pengkategorian sosial ini merupakan kategori kognitif yang dilakukan oleh setiap individu. Pengkategorian ini terbentuk berdasarkan kesamaan atau perbezaan ciri-ciri setiap individu yang ada dalam atau luar kelompok kategori. Dengan wujudnya kategori sosial ini, ianya turut akan menyebabkan nilai-nilai psikologi pada harga diri individu akan turut wujud. Jika status sesuatu kelompok itu dipandang negatif, maka keseluruhan individu dalam

kelompok tersebut turut menerima pandangan negatif tersebut dan seterusnya akan menyebabkan harga diri mereka akan menurun.

Mengapa Wanita Membujang?

Kajian mengenai wanita bujang di Malaysia adalah kajian yang baru dijalankan beberapa tahun yang lalu (Rozita Ibrahim & Jamayah Sali, 2015). Kajian awal ke atas wanita bujang yang wujud dalam penyelidikan akademik Malaysia adalah terhad dan tertumpu kepada kajian kependudukan sahaja. Hal ini kerana, kebanyakan kajian sukar untuk mendefinisikan istilah wanita bujang tersebut (Spreitzer dan Riley's. 1974).

Jones (1981) menyatakan bahawa semenjak tiga dekad yang lalu, populasi rakyat perempuan Malaysia, Indonesia, Singapura dan Thailand yang berkahwin adalah sekitar umur 18 tahun. Namun, fenomena ini berubah dari semasa ke semasa. Sebagai contoh, peratusan rakyat Malaysia yang beragama Islam dan tidak berkahwin pada umur 30 tahun dan ke atas adalah sebanyak 3.1 (1960). Bilangan peratusan ini didapati meningkat pada tahun 2000 iaitu sebanyak 23.3 peratus. Keadaan ini menunjukkan bahawa bilangan kaum wanita yang tidak berkahwin semakin meningkat disebabkan beberapa faktor.

Faktor Perubahan Pendidikan dan Kewangan

Faktor utama yang menyebabkan seseorang itu lewat berkahwin adalah kerana perubahan taraf pendidikan dan kemampuan kewangan (Rozita Ibrahim & Jamayah Sali, 2015). Kaum wanita dikatakan berjaya menghabiskan pelajar di peringkat sekolah dan seterusnya menyambung pengajian di institusi pengajian tinggi berbanding dengan lelaki. Keadaan mereka yang mempunyai pendidikan yang tinggi dan kemampuan kewangan yang baik membuatkan kaum wanita melengah-lengahkan perkahwinan kerana mampu menjalani kehidupan sendiri. Selain itu, penghijrahan wanita Melayu ke bandar-bandar besar untuk bekerja di organisasi-organisasi berkaitan juga menyumbang kepada kelewatan dalam berkahwin. Perkara yang paling penting di sini adalah, perubahan dalam pendidikan dan kerjaya telah membuatkan kaum wanita semakin memahami perubahan sosial dalam kalangan masyarakat sekeliling, yang mana kedua-dua faktor adalah penting bagi menjamin kehidupan pada masa akan datang (Jones, 1981).

Siti Rohana Mat Saari (1993) pula dalam kajiannya bertajuk kahwin lambat: budaya generasi kini, punca permasalahan dan implikasinya, jalan penyelesaian menurut perspektif Islam menyatakan bahawa punca paling besar wanita lambat berkahwin ialah terlalu memilih dan tanggungjawab kepada keluarga. Selain itu, faktor-faktor lain adalah pendidikan, ekonomi dan juga kebebasan. Wanita juga dikatakan sering melewatkan perkahwinan kerana terlalu memilih, faktor pendidikan dan kerjaya, menyerah kepada takdir tanpa berusaha, tiada persediaan dan mahar terlalu tinggi.

Selain itu, Aulia Fadhli (2015) pula menyatakan kecenderungan wanita untuk kekal sebagai individu yang bujang adalah kerana memiliki pendidikan yang tinggi, mengutamakan kerjaya yang dimiliki, gemar akan gaya hidup sendiri dan berdikari, menginginkan kebebasan dan mempunyai pendapatan yang mencukupi. Kuhn (1955) pula menyatakan bahawa golongan wanita bertahan untuk tidak berkahwin adalah disebabkan oleh membenci atau timbul perasaan jelek terhadap golongan lelaki.

Haipang dan Daouglas (2013) dalam kajian mereka menyatakan bahawa antara sebab wanita China di Beijing dan Guangzhou memilih untuk tidak berkahwin adalah disebabkan oleh pendidikan yang tinggi, peningkatan dalam perkembangan diri dan tidak memerlukan lelaki dalam hidup untuk menyokong mereka. Ramai wanita yang mempunyai pendidikan yang tinggi mempunyai kuasa yang besar dalam sesebuah organisasi pendidikan, perniagaan mahupun sektor kerajaan. Keadaan ini membuatkan mereka tidak mahu bergantung dengan lelaki dalam konteks kehidupan seharian. Zawiyah, Che Hashim dan S. Salahudin (2005) juga mendapati antara faktor perkahwinan itu ditangguhkan ialah revolusi pendidikan, peluang pekerjaan yang luas, tanggungjawab terhadap keluarga, jangkaan yang tinggi terhadap perkahwinan, tiada desakan dari keluarga dan faktor kesihatan. Gordon (2003) turut menyatakan wanita yang berpendidikan tinggi dan mempunyai kewangan yang kukuh lebih selesa untuk tidak berkahwin. Mereka juga memperoleh peluang untuk proses perkembangan diri dengan keadaan bujang tersebut. Individu bujang juga didapati boleh memilih untuk penyesuaian masa sendiri kerana tidak mempunyai pasangan dan tidak mempunyai tanggungjawab dalam perhubungan.

Gaya hidup yang pelbagai

Para sarjana terdahulu (Buunk dan Van Driel, 1989; Macklin, 1987; Stein, 1976) telah mengenalpasti beberapa faktor yang dianggap telah mendorong kepada peningkatan golongan bujang. Antara faktor tersebut adalah timbulnya cara gaya hidup yang lebih pelbagai dan peluang pekerjaan bagi kaum wanita. Selain itu, peluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi juga telah menyebabkan lebih ramai kaum wanita memilih untuk membujang. Piawai sosial dan orientasi seksual yang lebih liberal juga antara faktor yang menolong dalam pembentukan golongan bujang.

Kebebasan

Stein (1976) telah mengemukakan empat faktor bagi menerangkan mengapa sesetengah wanita memilih untuk membujang dari kehidupan berkahwin. Faktor pertama ialah, mereka mempunyai lebih banyak kebebasan untuk membuat pelbagai keputusan serta aktiviti. Seterusnya ialah, dengan adanya status membujang membolehkan kaum wanita mengembangkan perhubungannya dengan lebih luas dan boleh berpindah randah mengikut keselesaan tanpa membawa atau memikirkan bebanan yang biasanya dialami oleh wanita yang sudah berkahwin.

Faktor terakhir yang membawa kepada wanita membujang adalah mampu mengembangkan kerjaya masing-masing kerana kurang bebanan jika dibandingkan dengan kaum wanita yang sudah berkeluarga.

Tiada Pasangan, masalah kewangan, dan pengembangan kerjaya

Menurut Hariths Asyraf Hasnan (2016), punca utama wanita berkahwin lewat adalah kerana tiada pasangan yang sesuai, kekangan kewangan dan faktor pengembangan kerjaya. Faktor ini diperolehi dari dapatan kajian oleh LPPKN menerusi Kajian Penduduk Dan Keluarga Malaysia Ke Lima (KPKM-5). Bagi golongan wanita ini, tiada pasangan yang sesuai dilihat sebagai punca utama kepada 35.7 peratus golongan tersebut memilih untuk berkahwin lewat. Kajian juga menunjukkan sebanyak 86.8 peratus responden mempunyai keinginan untuk berkahwin di mana 31 tahun merupakan min umur untuk tujuan tersebut. Bagi setiap responden dalam kajian ini mengimpikan pasangan yang mempunyai ciri-ciri seperti beragama, bertanggungjawab dan sopan.

Manakala, menurut Rozitadan Jamayah, antara faktor lain yang wujud dalam kalangan individu yang membujang adalah kurang peluang untuk mendapatkan pasangan, kesihatan tidak mengizinkan, merasa ego, mampu berdikari, tidak bersedia untuk menerima tanggungjawab, takut, benci, dan juga kecewa. Tidak kurang juga terdapat sesetengah wanita pula memilih untuk membujang kerana mempunyai tanggungjawab lain yang perlu diselesaikan, mempunyai kekasih khayalan, mementingkan kerjaya dan lebih tertarik kepada kaum sejenis (Rozita Ibrahim & Jamayah Sali, 2015).

Manakala wanita di Indonesia memilih untuk tidak berkahwin ialah mereka enggan bergantung kepada kaum lelaki dalam kehidupan seharian kerana mampu untuk hidup sendiri dan menyelesaikan segala permasalahan seorang diri. Selain itu, responden dalam kajian tersebut juga mengatakan bahawa tingginya tingkat pendidikan dalam kaum wanita menjadi pendorong kepada tidak berkahwin. Selain itu, proses pencarian jodoh yang tidak mudah dan perkembangan dunia kerjaya juga turut mendorong kaum wanita itu tidak mendirikan rumahtangga. Kebanyakan wanita tidak mahu terburu-buru dalam proses tersebut (Naomi Jayalaksana, 2010).

Nanik dan Wiwin Hendriani (2016) menyatakan antara sebab wanita memilih untuk tidak berkahwin adalah beranggapan mereka sudah terlalu tua, fizikal yang kurang menarik, pilihan lelaki yang kurang tepat, kehilangan kepercayaan dalam pernikahan dan pekerjaan yang stabil. Selain itu, mereka juga menanggukkan perkahwinan kerana mempunyai tanggungjawab pada keluarga dan kerjaya, merasakan perkahwinan itu tidak perlu dan juga turut memikirkan kemungkinan-kemungkinan yang bakal dihadapi sekiranya berada dalam alam perkahwinan.

Dyah Kumalasar (2007) dalam kajiannya menyatakan wanita bekerjaya memilih untuk tidak berkahwin adalah kerana mereka masih belum menemui jodoh yang sesuai. Mereka pernah menjalinkan hubungan cinta, tetapi tidak

sampai ke alam perkahwinan kerana lelaki sering menipu dalam sesuatu perhubungan. Akibat kegagalan tersebut, wanita merasakan tidak perlu untuk mencuba berhubung dengan lelaki pada masa-masa seterusnya. Selain itu, wanita bujang juga merasakan belum berkeinginan untuk berkahwin dan memikirkan kerjaya.

Kimberly McErlean (2012) pula telah mendapati bahawa wanita tidak berkahwin adalah kerana terlalu memikirkan tentang kerjaya selepas tamat pengajian di peringkat universiti. Keadaan ini juga menyebabkan mereka tidak mempunyai masa untuk mencari pasangan hidup. Selain itu, faktor kurang bersedia, pemalu dan cerewet untuk mendirikan rumahtangga juga menyebabkan golongan wanita memilih untuk tidak berkahwin.

Tidak Bersedia

Kajian oleh Nurul Latifah (2014) menyatakan ketidaksediaan menerima lelaki lain dalam hidup adalah punca kepada wanita melewatkan perkahwinan. Hal ini kerana, dalam masa yang sama wanita tersebut telah mempunyai pilihan hati sendiri. Hasil juga memperoleh bahawa golongan wanita tidak berkahwin kerana mempunyai adik beradik yang juga masih belum berumahtangga. Keadaan ini menyebabkan mereka terpaksa menangguhkan perkahwinan kerana tidak mahu mendahului ahli keluarga yang lain dalam urusan perkahwinan.

Kajian-kajian lepas mendapati terdapat banyak kelebihan yang diperoleh seorang wanita apabila tidak berkahwin. Mereka dapat berdikari dan bebas membuat keputusan dalam hidup tanpa perlu mendengar pendapat dari seorang lelaki (Baumbusch, 2004). Reynolds dan Wetherell (2003) juga mendapati bahawa wanita yang tidak berkahwin bebas membuat sebarang keputusan tanpa perlu mengambilkira pandangan orang lain. Selain itu, wanita yang tidak berkahwin juga boleh menjadi seorang individu yang berdikari dan melakukan sesuatu perkara dengan sendirinya (Dalton, 1992). Kelebihan-kelebihan ini juga turut diperoleh Kimberly McErlean (2012), di mana wanita yang tidak berkahwin ini bebas membuat keputusan sendiri, berdikari dan mempunyai masa terluang untuk diri sendiri.

Stigma Wanita Bujang Lewat Usia

Stigma ialah tingkah laku personal seseorang individu untuk ‘mencemarkan’ keadaan seseorang individu yang lain (Goffman, 1963). Dalam masyarakat Malaysia, wanita tidak berkahwin akan dilabel sebagai ‘andartu’ atau anak dara tua (Nanik & Wiwin Hendriani, 2016). Kenyataan bahawa mereka juga sudah tua tetapi masih belum berkahwin seringkali menerima kata-kata sinis seperti ‘perempuan tidak laku’ (Ibrahim, 2009).

Setengah masyarakat mengatakan bahawa golongan wanita ini lambat berkahwin disebabkan beberapa faktor iaitu terlalu memilih, masih belum bersedia dan belum dipertemukan jodoh (Ann Wan Seng, 2008). Haslina Hassan dan Ann Wan Seng (1995) dalam buku bertajuk wanita dan perkahwinan, menyentuh

tentang konsep andartu, yang dibuat berdasarkan kajian yang bertitik tolak daripada pernyataan Jabatan Agama Islam Negeri Perlis pada tahun 1992 bahawa seramai 60,000 wanita Islam belum berkahwin. Daripada buku tersebut, didapati bahawa masyarakat telah memberikan persepsi buruk terhadap wanita yang lambat berkahwin. Wanita tersebut telah terang-terang dilabelkan sebagai andartu, yang boleh menimbulkan konflik jiwa terhadap mereka.

Indriana dkk (2007) menyatakan bahawa perempuan dewasa bujang di Jawa dianggap seorang yang tidak terbuka, emosional, bersifat keanak-anakan dan mudah marah. Perempuan dewasa bujang cenderung mendapat stereotaip seperti kurang dapat mengembangkan tanggungjawab, kurang matang dan kurang dapat bergaul daripada mereka yang telah berkahwin (Etaugh & Birdoes 1991; Conley & Collins 2002).

Perkahwinan lewat dalam kalangan wanita juga dikatakan boleh menyebabkan kekurangan kesuburan dan kecenderungan memperoleh anak adalah rendah (Rozita Ibrahim & Jamayah Saili, 2015). Untuk kaum Melayu, anak itu dikatakan sebagai rezeki dari Allah dan perkara yang paling diinginkan oleh pasangan yang berkahwin. Anak-anak itu diharapkan dapat menjaga ibu dan bapa apabila mereka tua. Oleh itu, bagi individu yang belum berkahwin kebimbangan timbul atas penjagaan usia tua mereka kelak. Peranan sebagai wanita juga tidak lengkap seperti menjadi anak, isteri, ibu dan nenek. Mereka juga sering dikatakan akan dijangka terlibat dengan hubungan seksual tidak sah seperti bersekedudukan dan lesbian. Keadaan ini sangat dibimbangi oleh masyarakat kerana seks di luar perkahwinan adalah dilarang oleh Islam dan budaya Melayu. Oleh itu, terdapat kebimbangan bahawa wanita yang belum berkahwin mungkin mahukan pengalaman seks dan dengan itu mendapatkan hubungan rahsia atas kesepian yang dihadapi mereka. Menurut pengkaji lagi, wanita bujang ini dikatakan menolak perkahwinan kerana mereka inginkan kebebasan.

De Paulo dan Morris dalam kajiannya 20 tahun dahulu menyatakan bahawa, kebanyakan wanita bujang ini adalah tidak disukai. Bentuk fizikal yang kurang menarik, kesunyian dan pemalu berbanding dengan rakan-rakan yang sudah berkahwin (Morris et. al, 2007). Individu bujang sering dipandang rendah sekiranya mereka belum berumahtangga. Mereka sering dikatakan sebagai ketidakmatangan, sikap mementingkan diri, atau kekurangan disiplin peribadi (Moris, 2004). Individu bujang sering dikatakan sebagai hiba dan tidak ada harapan dalam pencarian pasangan cinta (Kruger et. al, 1995).

Ema Septiana dan Muhammad Syafiq (2013) pula mendapati wanita bujang ini akan dipandang sebagai sebuah kesalahan oleh orang sekeliling akibat ketidakmampuan dirinya untuk menjalankan hubungan sosial. Orang sekeliling akan menganggap bahawa kehidupan wanita bujang ini sebagai satu masalah sosial. Mereka tidak dapat menerima bahawa seorang wanita yang normal dan tidak pernah berkahwin akan memperoleh kebahagiaan dan kepuasan dalam hidup. Seterusnya, wanita bujang juga sering diberi gelaran wanita tua yang tidak laku dan turut dituduh untuk merebut suami jiran.

Seterusnya, Situmorang (2005) menyatakan seorang wanita yang tidak berkahwin di Indonesia seringkali dianggap sebagai perawan tua yang tidak berjaya mendapat seorang lelaki, cacat, wanita kota, tidak mahu seorang lelaki kerana berpendidikan tinggi, menetapkan dalam hati tidak mahu berkahwin dan bercita-cita tinggi. Haipang dan Douglas (2013) menyatakan kebanyakan wanita di Beijing dan Guangzhou akan digelar sebagai “*left out ladies*” dan “*3S ladies (single, seventies, stuck)*” apabila mereka masih belum berkahwin apabila umur melebihi 30 tahun.

Implikasi Stigma Terhadap Wanita Bujang Lewat Usia

Sikap sesetengah orang dan masyarakat yang melabelkan wanita yang belum berkahwin dengan ungkapan andartu (anak dara tua) dan Andalusia (anak dara lanjut usia), di samping cemuhan lain akan membebankan minda dan jiwa mereka. Stigma ini akan memberikan kesan kepada individu yang menerimanya. Ema Septiana dan Muhammad Syafiq (2013) menyatakan dalam kajian mereka, kesan stigma ini akan membuatkan seseorang wanita itu merasa tertekan. Status mereka sebagai wanita yang belum berkahwin akan membuatkan keluarga dan rakan-rakan mendorong untuk segera mendirikan rumahtangga. Namun, perhatian dari orang sekeliling tersebut yang terlalu berlebihan akan membuatkan wanita merasa tertekan. Kenyataan ini disokong juga oleh kajian Haipang dan Douglas (2013) di mana kebanyakan wanita bujang di Beijing dan Guangzhou akan merasa tertekan dengan desakan keluarga dan orang sekeliling untuk mereka mempercepatkan urusan perkahwinan.

Selain itu, stigma ini juga akan membuatkan wanita bujang tersebut sentiasa berada dalam keadaan yang tidak selesa dan tertekan (Ema Septiana dan Muhammad Syafiq, 2013). Hal ini dapat dibuktikan dengan wanita bujang ini memilih untuk tidak menghadiri sesuatu majlis seperti reunion dan perkahwinan. Keadaan ini akan membuatkan wanita akan sering ditanyakan dengan soalan-soalan yang berkaitan dengan mengapa masih lagi belum berkahwin dan mendirikan rumahtangga. Kharisma dan Tino (2013) menyatakan bahawa kesan stigma sosial masyarakat terhadap wanita bujang akan menyebabkan mereka berasa tidak selesa dan tertekan.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Dalam masyarakat terdapat pelbagai jenis stigma dan stereotaip yang dilabelkan kepada kelompok atau individu tertentu. Stigma ini tetap menular di dalam masyarakat dan tidak akan terhapus walaupun pelabelan negatif itu memberi kesan yang negatif dan meninggalkan impak yang mendalam terhadap diri individu itu. Stigma ini juga tetap berterusan terhadap wanita yang tidak berkahwin lewat usia memandangkan perkahwinan dianggap suatu kemestian yang perlu dipraktikkan. Nilai kemestian melakukan sesuatu perkara di dalam masyarakat juga dibentuk oleh mentaliti masyarakat setempat. Seiring perubahan peranan wanita di dalam

keluarga, tidak hairanlah sekiranya wanita melengahkan perkahwinan disebabkan faktor ekonomi dan kerjaya atau mempunyai suatu tuntutan tanggungjawab menjaga ibu bapa yang sudah tua di dalam keluarga dan pelbagai indikator lain yang mempengaruhi kepada sebab kelewatan seseorang wanita berkahwin atau terus memilih untuk membujang. Di samping pelbagai masalah sosial yang berlaku terutama masalah di dalam rumahtangga seperti keganasan terhadap wanita dan perceraian juga boleh menyebabkan nilai perkahwinan itu tidak lagi dilihat sebagai suatu tuntutan dalam kehidupan. Dalam situasi sedemikian, setiap ahli dalam masyarakat perlu saling menghormati memandangkan mereka juga wanita dan manusia biasa yang mempunyai perasaan yang tidak boleh dijadikan kelas kedua hanya kerana mereka tidak berkahwin. Peranan mereka juga tetap sama di dalam komuniti termasuk di kawasan tempat tinggal dan tempat kerja.

RUJUKAN

- Anne, B.&Deborah, C. (2005). Caught In The Cultural Lag: The Stigma Of Singlehood. *Psychological Inquiry*. Vol. 16. Nos. 2&3, 84-141.
- Ann wang Seng. (1995). Wanita bekerjaya lambat berkahwin.
- Asmawati, B. & Norhalim, I. (1996). *Peranan Ibu Bapa*. Kajang: Makruf Publisher & Distributors Sdn Bhd.
- Aulia, F. (2015). Pengaruh Gaya Hidup Wanita Karir, Konsep Kendiri, Dan Pola Coping Positif Terhadap Psychological Well-Being Pada Wanita Lajang Yang Belum Menikah.
<http://jasapembuatanpskripsitesismurah.blogspot.my/2015/02>
- Baumsausch, J. L. (2004). Unclaimed Treasures: Older Womens Reflections on Lifelong Singlehood. *Journal of Women & Aging*. 16(1-2), 105-121.
- Beri, N., & Beri, A. (2013). Perception of Single Women towards Marriage, Career and Education. *European Academic Research*, Vol. 1, 855-869
- Bunk, B & Driel, B. V. (1989). *Variants Lifestyles And Relationships*. Newbury Park. CA: Sage Publiccations.
- Chung, K.C. (1991). Ciri-Ciri Psikografik dan Motivasi Memberi Majalah Jelita dan *Her World*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Conley, T. D., & Collins, B. E. (2002). Gender, Relationship Status, and Stereotyping About Sexual Risk. *Personality and Social Psychology Bulletin*, 28, 1483-1494.
- Dalton, S. T. (1992). Lived Experience of Never-Married Women. *Issues in mental health nursing*. 13(2), 69-80.
- Dyah, K.(2007). Single Professional Women Sebagai Fenomena Gaya Hidup Baru Di Masyarakat Yohyakarta. *Studi Kasus: Kabupaten Sleman*. 1-18
- Ema, S. & Muhammad, S. (2013). Identitas “Lajang” (Single Identity) dan Stigma: Studi Fenomenologi Perempuan Lajang Di Surabaya. *Jurnal Psikologi Teori dan Terapan*. Vol. 4. No. 1. 71-86.

- Etaugh, C., & Birdoes, L. N. (1991). Effects of Age, Sex, and Marital Status on Person Perception. *Perceptual and Motor Skills*. 72. 491–497.
- Goffman, E. (1963). *Stigma: Notes on the Management of Spoiled Identity*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.
- Gordon, P. A. (2003). The Decision to Remain Single: Implications for Women across Cultures. *Journal of Mental Health Counselling*. 25. 33-44.
- Haipang, W. & Douglas, A, A. (2013). Waiting for Mr Right: The Meaning of Being Singles Educated Chinese Female Over 30 in Beijing and Guangzhou. *Womens Studies International Forum*. 40. 222-229.
- Harits, A. H. (2016). Astro awani24 Feb 2016.
- Haslina, H. & Ann, W. S. (1995). *Wanita Dan Perkahwinan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Ibrahim. 2009. Understanding Singlehood from the Experience of Never Married Malay Muslim Women in Malaysia: Some Preliminary Findings. *European Journal of Social Sciences*. 8 (3)
- Indriana, Y., Indrawati, E. S., & Ayuaningsih, A. (2007). Persepsi Perempuan Karir Lajang Tentang Pasangan Hidup: Studi Kualitatif Fenomenologis di Semarang. *Jurnal Arkhe*, 12 (2), 153-167.
- Jabatan Perangkaan Malaysia, 2000.
- Jones, G. 1981. Malay Marriage and Divorce in Peninsular Malaysia: Three Decades of Change. *Population and Development Review*. Vol 7. No 2 (June 1981). Pp 225-278.
- Kharisma, K. & Tino, L. M. (2013). Kualitas Perempuan Lanjut Usia Yang Melajang. *Jurnal Psikologi Pendidikan dan Perkembangan*. Vol 2. No 03. 152-159.
- Kimberly, M. E. (2012). Examining Conceptions of Singledom among Older Ever-Singles. *Thesis*. 2-37.
- JPM. Jabatan Perangkaan Malaysia. www.statistic.com. 2002-02-21, 1030 hours.
- Macklin, E. 1987. Nontraditional Family Forms. In *Handbook of Marriage and the Family*. Sunting Oleh Steinmets, S & Sussman. M. New York: Plenum Press
- Morris, W.L, Sinclair, S., & DePaulo, B. M. (2007). No Shelter for Singles: The Perceived Legitimacy of Marital Status Discrimination. *Group Processes Intergroup Relations*. 10. 457-470
- Naomi, J. (2010). Kenapa ingin melajang? .Sumber dari Femina. 15/2010
- Nanik & Wiwin Hendriani. 2016. Studi Kajian Literatur: Wanita Tidak Menikah di Berbagai Negara. Seminar Asean 2nd Psychology & Humanity. *Psychology Forum UMM*. 19 – 20 Februari 2016.
- Nurul, L. (2014). Kesejahteraan Psikologis Pada Wanita Dewasa Muda Yang Belum Menikah. *Artikel E-Journal*. Universitas Negeri Yogyakarta.
- Reynolds, J. & Wetherell, M. (2003). The Discursive Climate of Singleness: The Consequences for Womens Negotiation of a Single Identity. *Feminism and Psychology*. 13(4), 489-510

- Rozumah, B & Rumaya, J. (2016). *Pengantar Perkahwinan dan Keluarga*. Universiti Putra Malaysia Press. Serdang.
- Rozita, I & Jamayah, S. (2015). Never Married Malay Muslim Womens Perceived Advantages And Disadvantages of Living Single Life. *International Journal Of English Language, Literature Dan Humanities*. Vol III. Issue IX.
- Salsali, M., and Silverstone, P. H. (2003). Low Self-Esteem and Psychiatric Patients: Part II – The Relationship between Self-Esteem and Demographic Factors and Psychosocial Stressors in Psychiatric Patients. *Annals of General Hospital Psychiatry*. 2(3). Diperolehi Pada Julai 23, 2006, dari <http://www.annals-generalpsychiatry.com/content/pdf/1475-2832-2-3.pdf>
- Shazali, A. M., Ernest, C. D. R. & Loh, W. M. (2001). Gaya Hidup Wanita Yang Menjalankan Urusan Pembelian Bahan Makanan: Kajian Kes Di Bandaraya Kuching. *Jurnal Pembangunan Sosial*. Jilid 3 Disember 2001. Hal 1-13.
- Siti Rohana, M. S. (1993). Kahwin Lambat: Budaya Generasi Kini, Punca Permasalahandan implikasinya, jalan penyelesaian Menurut perspektif Islam. Latihan Ilmiah.
- Situmorang, A. (2005). Staying Single in a Married Word: The Life of Never Married Women In Yogyakarta and Medan. ARI Working paper. No 38. Asia Research Institute. Natinal University of Singapore.
- Spreitzer, E. & Riley, L.E. 1974. Factors associated with singlehood. *Journal of Marriage and the Family*, Vol. 36, No. 3 (August 1974), pp: 533-542.
- Stein, P. 1976. Ed. Single. Eaglewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.
- Suriyani, Y. & Fatahyah, Y. (2009). Hubungan Antara Perkahwinan Dengan Self-Esteem. *Jurnal Kemanusiaan* Bil. 13. Jun 2009. Hal. 30-45.
- Syukri Shaari. Kesan trend kahwin lewat. *Utusan Malaysia*. 25 Mei 2011.
- Wilson, C. M., and Oswald, A. J. (2005). How Does Marriage Affect Physical And Psychological Health? *A Survey of the Longitudinal Evidence*. Diperolehi Pada April 8, 2007, dari [http://www.oneplusone.org.uk/information/InfoSheets/Predictors Of Relationship Quality.pdf](http://www.oneplusone.org.uk/information/InfoSheets/Predictors%20Of%20Relationship%20Quality.pdf)
- Tajfel, H, & Turner, J. (1979). An Integrative Theory of Intergroup Conflict. In W. Astin & S. Worchel (Eds). *The Social Psychology of Intergroup Relations*. (Pp. 33-47). California: Brooks/Cole.